

JABATAN PENDIDIKAN PAHANG  
PENILAIAN BERSAMA PERCUBAAN TAHUN 2000  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH PAHANG

TINGKATAN TIGA

---

BAHASA MELAYU  
Kertas 1

Satu jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI HINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **60 soalan***
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan atau pernyataan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan **hitamkan** pilihan anda yang baru.*

---

Kertas soalan in mengandungi **13** halaman bercetak

**Soalan 1 hingga soalan 7**

*Baca surat di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan berikutnya.*

## Surat 1

Beberapa hari sebelum saya mendaftar di universiti, saya menemui rakan sekelas yang tidak dapat meneruskan pelajaran bersama-sama saya. Semasa berbual-bual dia menyatakan azamnya. Walaupun dia tidak berjaya ke universiti tetapi dia berazam supaya pendapatan bulanan yang akan diperoleh melebihi pendapatan saya apabila saya tamat pengajian nanti. Selepas itu kami berpisah membawa haluan masing-masing. Saya mendapat maklumat bahawa sahabat saya itu telah berhijrah ke Kuala Lumpur.

Empat tahun kemudian kami bertemu semula. Pada waktu itu saya mula bekerja. Saya mendapati dia benar-benar mengotakan azamnya. Dia mempunyai pendapatan bulanan yang lebih tinggi daripada gaji saya (graduan universiti) dan memiliki sebuah kereta Honda Prelude dan sebuah Proton Saga. Yang ingin saya paparkan di sini bukan tentang gaji dan kereta miliknya, tetapi tentang sikapnya. Tidak bermakna dia gagal ke Universiti dia gagal dalam hidup.

## Surat 2

Baru-baru ini Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia. Peningkatan secara mendadak bagi pelajar yang memperoleh pangkat satu telah **mencecah** 71 ribu lebih. Kejayaan ini bukanlah merupakan kejayaan yang sebenar bagi para pelajar kerana hal ini hanya merupakan satu laluan untuk menempatkan kita di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kejayaan sebenar kita adalah setelah kita memperoleh segulung ijazah daripada IPT yang menjadi pilihan kita, menjadi insan yang berguna dan berakhlak mulia.

Kejayaan hari ini adalah pencorak hidup masa hadapan. Semoga renungan ini akan memberi iktibar kepada kita. Bagi pelajar yang tidak berjaya memperoleh pangkat satu bukanlah bermakna masa hadapan mereka telah gelap. Dengan usaha yang gigih anda juga mampu menjejak kaki di menara gading kelak dan membawa segulung ijazah.

1. Mengapakah penulis dan sahabatnya berpisah?
  - A kerana bidang pekerjaan mereka berbeza
  - B kerana tempat tinggal mereka berjauhan
  - C kerana cita-cita dan haluan hidup berbeza
  - D kerana mereka berjanji akan bertemu semula

2. Apakah punca yang menjadi penentu kejayaan seseorang?
- A keazaman
  - B keyakinan
  - C kepercayaan
  - D kesungguhan
3. Pada pendapat anda, apakah sikap rakannya yang ingin ditonjolkan oleh penulis surat 1?
- A sentiasa ingin menunjuk
  - B sentiasa berfikiran positif
  - C sentiasa bersikap pesimis
  - D sentiasa ingin bersaing
4. Mengapakah kejayaan dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia tidak dianggap sebagai kejayaan sebenar oleh penulis surat 2?
- A kerana ramai pelajar yang mendapat pangkat 1
  - B kerana masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan
  - C kerana kejayaan tersebut terlalu kecil jika dibandingkan dengan perjalanan hidup
  - D kerana kejayaan tersebut hanya merupakan syarat untuk ke peringkat yang lebih tinggi.
5. Apakah perkataan yang sesuai digantikan dengan perkataan 'mencecah' dalam surat 2?
- A mencapai
  - B melebihi
  - C menjangkau
  - D menjejak
6. Apakah iktibar yang boleh diambil daripada surat 2?
- A Kita harus bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.
  - B Kita tidak harus mudah berpuas hati dengan apa yang dicapai.
  - C Kita tidak harus terlalu berbangga dengan pencapaian kita.
  - D Kita jangan mudah berputus asa sekiranya dihina.
7. Apakah peribahasa yang sesuai untuk disimpulkan dalam kedua-dua surat tersebut?
- A Malu bertanya sesat jalan
  - B Sesat di hujung jalan kembali ke pangkal jalan
  - C Di mana ada kemahuan di situ ada jalan
  - D Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

## Soalan 8 hingga soalan 13

Baca puisi di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan berikutnya.

Jikalau engkau bersifat budiman  
Di pandang sebagai bunga setaman

Jikalau engkau bersifat pemurah  
Sernua orang datang menyerah

Jikalau engkau bersifat dermawan  
Segala manusia dapat kau tawan

Menolong manusia wajib dan perlu  
Tetapi tolonglah dirimu dahulu

Barang siapa berbuat jasa  
Harum namanya sepanjang masa

Barang siapa berbuat angkara  
Tuhan kelak menurunkan bala

Barang siapa memungkiri janji  
Namanya tentu menjadi keji

Barang siapa menolong umat  
Nescaya hidupnya **dilimpahi** berkat

Jangan ikut resamnya lalang  
Diri nanti ditimpa malang

Hidup ikut resmi padi  
Diri selamat dipandang tinggi

8. Apakah jenis puisi di atas?

- A Sajak
- B Pantun
- C Gurindam
- D Bidalan

9. Apakah tema puisi tersebut?
- A Nasihat
  - B Pesanan
  - C Pendidikan
  - D Bimbingan
10. Maksud rangkap ke enam puisi di atas ialah
- A Mereka yang melakukan kejahatan, pasti akan ditimpa bencana
  - B Sesiapa yang melakukan kesalahan, kehidupannya sentiasa dalam kesusahan
  - C Sesiapa yang melakukan kebaikan, tuhan kelak memberikan balasan
  - D Orang yang melakukan angkara durjana, akan mendapat keaiban.
11. Mengapakah kita perlu mengikut resmi padi?
- A Kita banyak mendapat ilmu
  - B Kita dihormati dan dimuliakan oleh masyarakat
  - C Kita dihormati oleh masyarakat kerana banyak berjasa
  - D Hidup kita disenangi masyarakat.
12. Perkara-perkara yang berikut tidak harus diamalkan dalam kehidupan kecuali
- A bersikap buruk siku
  - B bersikap seperti tangkai jering
  - C mengikut resmi lalang
  - D bersikap ringan tulang
13. Kata **dilimpahi** sesuai diganti dengan kata
- A dibanjiri
  - B dianugerahi
  - C dikurniai
  - D dihadiahi

### Soalan 14 hingga soalan 20

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Pada 20 April 1999, Projek Bumi Hijau Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Pongsu telah dilancarkan oleh Pegawai Pendidikan Daerah, Tuan Haji Baharuddin bin Zainuddin. Tujuan projek ini dilaksanakan ialah untuk memanfaatkan kawasan lapang sekolah bagi aktiviti pertanian, selain mendedahkan para pelajar tentang kepentingan pertanian dan tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan.

Bagi menjayakan projek ini, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar telah dilantik sebagai penasihat projek. Beliau bertanggungjawab memberi penerangan dan mengawasi perjalanan projek tersebut. Para pelajar juga telah diberi tugas untuk membantu melicinkan kerja-kerja penjagaan.

Pada setiap pagi dan petang, tiga orang wakil bagi setiap kumpulan pelajar dibawa melihat kawasan masing-masing. Setiap kumpulan mendapat satu batas berukuran 6 meter. Mereka diberi kebebasan untuk menanam tanaman yang sesuai dengan jenis tanah, kerja-kerja pembajaan dan penjagaan dalam tempoh 3 bulan sehingga menampakkan hasil.

Sambutan daripada para pelajar amat menggalakkan. Pada setiap petang, boleh dikatakan wakil kumpulan bersama guru akan berada di batas masing-masing. Mereka akan memastikan benih yang ditanam bertunas dan tiada makhluk perosak. Semua kumpulan ingin menjadi juara.

Dalam tempoh lapan minggu, kawasan belakang sekolah yang sebelum ini dipenuhi lalang dan **gilan** bertukar menjadi taman pertanian. Kumpulan pelajar tingkatan tiga telah terpilih menjadi johan keseluruhan.

Projek ini berjaya mendedahkan para pelajar tentang teknik menghijaukan bumi. Projek ini wajar diteruskan agar bidang pertanian menjadi pilihan walaupun arus pemodenan menjadi keutamaan.

14. Apakah objektif utama Projek Bumi Hijau diadakan?

- A untuk menghijaukan kawasan lapang
- B untuk memenuhi masa lapang pelajar
- C untuk menggalakkan pelajar meminati bidang pertanian
- D untuk memanfaatkan kawasan lapang di belakang sekolah

15. Siapakah yang ditugaskan untuk menjayakan projek tersebut?

- A Pegawai Pendidikan Daerah
- B Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar
- C Para pelajar
- D Guru-guru sekolah

16. Berikut adalah langkah pertama yang perlu dilakukan untuk proses penanaman..

- A menyediakan batas
- B menentukan jenis tanaman
- C membersihkan kawasan
- D membaja tanah

17. Kata gilan dalam petikan bermaksud.....
- A semak samun
  - B pokok menumpang
  - C pokok tumbang
  - D sisa buangan
18. Bilakah kawasan belakang sekolah itu selesai dibersihkan?
- A 20.6.1999
  - B 19.6.1999
  - C 20.7.1999
  - D 21.7.1999
19. Pada pendapat anda, apakah tanaman yang diusahakan oleh para pelajar tersebut?
- A sayur-sayuran
  - B buah-buahan
  - C ulam-ulaman
  - D bunga-bunga
20. Peribahasa yang sesuai dengan petikan di atas ialah.....
- A Hati gajah sama dialapah, hati kuman sama dicicah
  - B Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
  - C Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
  - D Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.

**Soalan 21 hingga soalan 30.**

*Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih perkataan yang paling sesuai.*

21. Tujuh beradik dari Johor itu berazam \_\_\_\_\_ usaha mereka untuk belajar hingga ke peringkat kedoktoran.
- A menambahkan
  - B meningkatkan
  - C meninggikan
  - D menaikkan

22. Setiap pengguna mempunyai hak untuk memilih apa-apa yang \_\_\_\_\_
- A diingini
  - B dimiliki
  - C disayangi
  - D dikasihi
23. Kaum ibu mampu \_\_\_\_\_ tugas yang dilakukan oleh kaum lelaki.
- A menjalankan
  - B melakukan
  - C menunaikan
  - D melaksanakan
24. Rimbunan daun pokok itu menyentuh antara satu sama lain \_\_\_\_\_ kerawang berbunga.
- A secantik-cantik
  - B sebesar-besar
  - C seolah-olah
  - D seputih-putih
25. Era yang mencabar pada masa kini menuntut pengetahuan yang \_\_\_\_\_.
- A baik
  - B jitu
  - C unggul
  - D banyak
26. Tidak \_\_\_\_\_ olehnya beban yang berat itu.
- A terpicul
  - B terjunjung
  - C terbawa
  - D terkandar
27. "Ambil \_\_\_\_\_ pinggan yang sudah berbasuh, kemudian lap sehingga kering," kata ibu kepada kakak.
- A apa-apa
  - B mana-mana
  - C siapa-siapa
  - D bila-bila



D

35. Projek itu bukan usaha saya tetapi sebenarnya saya berperanan sebagai pengawal selia  
A B  
buat sementara. Tiada kesalahan  
C D
36. Ulang tahun penubuhan Syarikat Kurnia Jaya yang ke dua belas telah disambut  
A B  
secara besar-besaran di sebuah hotel terkemuka di ibu kota. Tiada kesalahan  
C D
37. Gunung Kinabalu merupakan gunung yang paling tinggi nian di Malaysia dan mempunyai  
A B  
pelbagai spesies flora dan fauna. Tiada kesalahan  
C D
38. Hanya pelajar sekolah rendah yang dibenarkan mengambil bahagian di dalam  
A B C  
pertandingan melukis logo itu. Tiada kesalahan  
D
39. Pada cuti penggal persekolahan yang lalu, Asmah bercadang untuk menziarah pusara  
A B  
datuknya di kampung tetapi rancangan tersebut terpaksa dibatalkan kerana dia terpaksa  
C  
menghadiri Kursus Kepimpinan Pengawas. Tiada kesalahan.  
D
40. Beribu orang membanjiri Stadium Darul Makmur untuk menyaksikan perlawanan bola  
A B C  
sepak antara pasukan Pahang dengan Brunei. Tiada kesalahan

**Soalan 41 hingga soalan 50.**

*Sebahagian daripada ayat-ayat berikut telah digariskan. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.*

*Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B dan C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan, tandakan D.*

41. Berkotak minuman keras yang siap dibungkus telah musnah akibat kebakaran besar yang berlaku pada cuti hari perayaan Deepavali semalam.
- A Kotak minuman keras
  - B Kotak-kotak minuman keras
  - C Berkotak-kotak minuman keras
  - D Berkotak minuman keras
42. Pelbagai persiapan telah dibuat dengan rapi oleh pihak berkuasa untuk menghadapi pilihan raya.
- A Berbagai persiapan
  - B Berbagai persiapan-persiapan
  - C Pelbagai-bagai persiapan
  - D Pelbagai persiapan
43. Sungai Pahang tidak sepanjang dengan Sungai Rejang yang terdapat di Sarawak.
- A bukan sepanjang
  - B bukan sepanjang dengan
  - C tidak sepanjang
  - D tidak sepanjang dengan
44. Para perwakilan persidangan itu saling bertukar-tukar pandangan untuk mendapatkan kata sepakat dalam mengatasi masalah kegawatan ekonomi.
- A saling bertukar
  - B saling tukar-bertukar
  - C saling menukar
  - D saling bertukar-tukar
45. Ibu bapa dinasihatkan sentiasa ingat-ingat supaya anak-anak mereka tidak terjerumus dalam kancah dadah.
- A sentiasa beringat supaya
  - B sentiasa ingat-mengingati agar
  - C sentiasa beringat-ingat supaya
  - D sentiasa ingat-ingat supaya

46. Kain langsir yang dibeli oleh emak masih belum saya jahit walapun hari raya hampir tiba.
- A belum dijahit oleh saya
  - B belum dijahit saya
  - C belum saya menjahit
  - D belum saya jahit
47. Lain-lain mahasiswa tidak dibenarkan mengikuti kursus komputer kecuali mereka yang telah berdaftar.
- A Lain mahasiswa-mahasiswa
  - B Mahasiswa-mahasiswa lain
  - C Mahasiswa lain-lain
  - D Lain-lain mahasiswa
48. Kaunselor itu memberi banyak pandangan tentang cara-cara mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar.
- A memberi pandangan
  - B memberi pandangan banyak
  - C banyak memberi pandangan
  - D memberi banyak pandangan
49. Ahli sains itu telah menghuraikan tentang hasil penyelidikannya dalam sidang pleno.
- A menghuraikan hasil
  - B menghurai akan hasil
  - C menghuraikan mengenai hasil
  - D menghuraikan tentang hasil
50. Walaupun anak kecil itu masih telor berkata-kata namun bakatnya dalam bidang lukisan sangat terserlah.
- A masih telor bercakap
  - B masih telor bercakap
  - C masih telor berkata-kata
  - D masih telor berkata-kata

**Soalan 51 hingga soalan 54.**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.*

51. **Kepimpinan berkesan pengetua sekolah itu menyebabkan prestasi akademik pelajar-pelajarnya meningkat.**
- A Pengetua sekolah yang berkesan dalam kepimpinannya itu telah membawa peningkatan kecemerlangan pelajar sekolahnya.
  - B Kepimpinan pengetua sekolah yang berkesan itu telah berjaya memperoleh kecemerlangan.
  - C Pengetua sekolah itu memimpin dengan berkesan dan berjaya mendapat kecemerlangan.
  - D Kepimpinan pengetua sekolah itu berkesan dan menghasilkan kecemerlangan.
51. **Penguatkuasaan peraturan belum tentu dapat menjamin keselamatan pelajar-pelajar di dalam makmal sains.**
- A Peraturan keselamatan di dalam makmal tidak dapat mendisiplinkan pelajar-pelajar.
  - B Pelajar-pelajar akan selamat jika mematuhi peraturan di dalam makmal.
  - C Keselamatan pelajar-pelajar di dalam makmal sains belum dapat dipastikan walaupun peraturan dilaksanakan.
  - D Peraturan yang dikuatkuasakan di dalam makmal dapat menjamin keselamatan pelajar-pelajar.
53. **Sikap suka membaca perlu ditanam dalam jiwa kanak-kanak agar mereka tidak membuang masa.**
- A Kanak-kanak perlu dilatih suka membaca supaya mereka tidak membuang masa.
  - B Kanak-kanak tidak akan membuang masa jika mereka diasuh semenjak kecil.
  - C Pembuangan masa tidak akan berlaku jika kanak-kanak diajar membaca buku.
  - D Menyemai sikap suka membaca di kalangan kanak-kanak akan melahirkan rakyat yang berguna.
54. **Kenaikan tambang bas telah menyebabkan orang ramai mengeluh dan tidak berpuas hati.**
- A Akibat tambang bas yang semakin naik, orang ramai tidak berpuas hati.
  - B Orang ramai mengeluh tidak berpuas hati kerana kenaikan tambang bas.
  - C Orang ramai diminta tidak mengeluh kerana kenaikan tambang bas.
  - D Ketika tambang bas naik, orang ramai hendaklah berpuas hati.

**Soalan 55 hingga soalan 57.**

*Pilih ayat atau ayat-ayat yang menggunakan huruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.*

55. i. Perbuatan *sumbang* yang dilakukannya telah terbongkar.  
ii. Lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi baru itu kedengaran agak *sumbang*.  
iii. Langkah penari-penari tradisional itu menjadi *sumbang* apabila muzik terhenti secara tiba-tiba.  
iv. Perilaku berpeluk-pelukan di khalayak ramai dianggap *sumbang* di kalangan masyarakat Timur.

- A i dan ii sahaja  
B ii dan iv sahaja  
C i, ii dan iv sahaja  
D i, ii, iii dan iv.

56. i. Simpanan di Bank Simpanan Nasional tidak boleh dikeluarkan kerana belum *matang*.  
ii. Pisang nangka yang diperam oleh ayah di atas para belum cukup *matang* untuk dibuat pengat.  
iii. Ayam jantan Pak Abu sudah *matang* dan boleh disembelih.  
iv. Hujah yang disampaikan oleh peminat itu sungguh *matang*.

- A i dan ii sahaja  
B ii dan iv sahaja  
C i dan iv sahaja  
D iii dan iv sahaja

57. i. Negeri Sabah *menghasilkan* kayu balak yang bermutu tinggi.  
ii. Seruling itu hendaklah ditiup dengan cara yang betul bagi *menghasilkan* bunyi yang merdu.  
iii. *Menghasilkan* getah bermutu tinggi boleh dilaksanakan mengikut kaedah pertanian moden.  
iv. Segala penat lelahnya selama ini tidak *menghasilkan*.

- A i dan ii sahaja  
B ii dan iv sahaja  
C i, ii dan iv sahaja  
D i, ii, iii dan iv

**Soalan 58 hingga soalan 60.**

*Pilih ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.*

58. i. Bapa saya hendak melawat ke negara Eropah tahun ini.  
ii. Johor Bahru ialah tempat yang indah dan di sana terdapat banyak rumah rehat.  
iii. Bahang dan kehangatan Gerakan Cintailah Bahasa Kita masih terasa lagi.  
iv. Ketua kampung itu dikenalkan sebagai penghulu.
- A i dan ii sahaja  
B ii dan iii sahaja  
C i, ii dan iii sahaja  
D i, ii, iii dan iv
59. i. Sayur yang ditanam oleh Ah Kong subur-subur belaka.  
ii. Emak menghidangkan secawan kopi kepada ayah yang baru pulang dari kebun.  
iii. Kasut Salmah sudah tembok akibat tersepak batu.  
iv. Atlet itu tewas oleh kelebihan saingannya.
- A i dan ii sahaja  
B ii dan iv sahaja  
C i, ii dan iv sahaja  
D i, ii, iii dan iv sahaja
60. i. Remaja dinasihati supaya tidak terjebak dalam gejala maksiat.  
ii. Cherating terletak di antara Kuantan dengan Kemaman.  
iii. Dawai yang diperlukan untuk membuat ampaian panjangnya tidak kurang daripada dua meter setengah.  
iv. "Buku latihan Bahasa Melayu saya, ada pada Cikgu Mariam," jelas Ahmad.
- A ii dan iv sahaja  
B i, ii dan iii sahaja  
C ii, iii dan iv sahaja  
D i, ii, iii dan iv.

**KERTAS SOALAN TAMAT**